



Sebutharga

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pejabat  
TDM Berhad, Jalan Masjid Abidin, 20100 Kuala  
Terengganu

**ARAHAN KEPADA PEMBIDA**

**KELAYAKAN PEMBIDA**

1. Syarikat-Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri untuk menjalankan urusan agensi persendirian di Seluruh Malaysia tertakluk kepada peruntukan Seksyen 2(a) & 2(b) dan mana-mana kaedah serta syarat-syarat dibawah agensi persendirian.
2. Mempunyai lesen untuk menjalankan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang masih sah ketika menghantar dokumen sebutharga.

**TAWARAN SEBUTHARGA**

Pembida-pembida dikehendaki mengemukakan dokumen sebutharga dalam sampul surat bermatri (sealed Envelope). Sudut kiri sampul surat hendaklah ditulis "SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI PEJABAT TDM BERHAD, JALAN MASJID ABIDIN, 20100 KUALA TERENGGANU" dan dikembalikan dengan cara serahan tangan kepada:

TDM BERHAD,  
Jalan Masjid Abidin  
20100, Kuala Terengganu  
Terengganu.  
U/P: Ketua Unit Perolehan

**Sebelum Jam 4.30 petang pada 13 Januari 2019.**

### **DOKUMEN SEBUTHARGA**

1. Dokumen sebutharga akan menjadi sebahagian daripada kontrak dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian didalam dokumen sebutharga ini melainkan dengan persetujuan diantara kontraktor dan TDM Berhad.
2. Harga-harga dalam sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos berkaitan bagi menjalankan kerja dengan sempurna.
3. TDM Berhad tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah dan tiada sebab akan diberi diatas penolakan mana-mana sebut harga.
4. Tiada sebarang tuntutan akan dialayan bagi pelarasan atau perubahan harga akibat daripada perubahan kos di dalam pasaran semasa setelah dokumen sebutharga dikembalikan kepada TDM Berhad.
5. Senarai dokumen-dokumen wajib untuk dilampirkan bersama dokumen sebut harga adalah seperti didalam senarai semak dokumen yang dilampirkan.

### **MEMULAKAN KERJA**

Tarikh permulaan kerja bagi kontraktor yang terpilih akan ditetapkan sepertimana yang akan dinyatakan di dalam Surat Tawaran Kerja yang akan dikeluarkan oleh TDM Berhad setelah pemilihan dibuat.

Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja setelah 7 hari dari tarikh yang ditetapkan, pihak TDM Berhad berhak membatalkan Tawaran Kerja Tersebut.

Tempoh kontrak kerja yang ditawarkan adalah selama dua belas (12) bulan dan pihak TDM Berhad berhak menyambung tempoh kontrak selama dua belas (12) bulan sekiranya berpuas hati dengan kerja-kerja yang dijalankan .

### **PENAMATAN KONTRAK**

TDM Berhad berhak pada bila-bila masa menamatkan kontrak ini dengan memberi sebulan notis bertulis. Kontraktor juga boleh berbuat demikian dengan cara bertulis tiga (3) bulan notis sebelum menamatkan kontrak.

### **PEMOTONGAN HARGA**

Pihak TDM Berhad berhak membuat pemotongan harga sekiranya:

- a) Kelewatan Pengawal Keselamatan untuk hadir ke tempat bertugas melebihi dua (2) kali sebulan.
- b) Pengawal Keselamatan gagal untuk hadir bertugas dan pihak kontraktor gagal untuk mengganti pengawal keselamatan bertugas dalam tempoh yang munasabah.
- c) Tidak berdisiplin dan tidak mematuhi perkara-perkara yang perlu dilaksanakan seperti didalam skop kerja yang dipersetujui.
- d) Kegagalan mematuhi arahan dan peraturan kerja.

TDM Berhad akan memaklum/memberi arahan secara bertulis kepada kontraktor untuk membuat pemotongan di dalam tuntutan pembayaran.

Pihak TDM Berhad berhak memuat pemotongan pembayaran sebanyak 10%, 20% atau 30% mengikut penilaian Pegawai TDM Berhad yang bertugas atau wakilnya.

## **TUNTUTAN BAYARAN**

Pihak Kontraktor berhak untuk membuat tuntutan bayaran pada setiap bulan. Tuntutan/Invois cukai dan rekod kerja hendaklah dihantar sebelum 10hb pada bulan berikutnya

Dokumen yang perlu dilampirkan ketika membuat tuntutan seperti berikut:

1. Invois Cukai
2. Laporan pengesahan kehadiran yang telah disahkan oleh Pegawai TDM Berhad.

## **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG, ARAHAN DAN PERATURAN TEMPAT KERJA**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa didalam tempoh kontrak. Kegagalan didalam mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang sehingga dikenakan tindakan undang-undang, denda atau seumpamanya adalah dibawah tanggungjawab kontraktor sendiri.

Kontraktor juga hendaklah mematuhi segala arahan dan peraturan tempat kerja yang telah digariskan oleh TDM Berhad. Sebarang kecuaiian atau kegagalan mematuhi arahan dan peraturan di tempat kerja boleh membawa kepada tindakan pemotongan tuntutan bayaran dan penamatan kontrak.

## **DUTI SETEM**

Kontraktor hendaklah menanggung sebarang kos duti setem, kos dan yuran guaman sekiranya ada didalam penyediaan dan pelaksanaan perjanjian kontrak dana pa sahaja kos yang berkaitan dengannya.

## **SYARAT-SYARAT AM PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN**

### **1. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR**

Tanggungjawab utama perkhidmatan kawalan keselamatan adalah seperti berikut:

- i. Kontraktor adalah bertanggungjawab menyediakan Pengawal Keselamatan berpakaian seragam lengkap(tanpa senjata) yang cekap dan tegas bagi memastikan keselamatan terhadap bangunan, barang-barang luar dan dalam bangunan, lalu lintas, kawasan letak kenderaan dan semua harta benda syarikat yang terdapat di kawasan perkhidmatan.
- ii. Segala kerosakan dan kehilangan terhadap harta benda syarikat/kakitangan diatas kecuaiian dan kelalaian dari segi kawalan keselamatan adalah dibawah tanggungjawab pihak Kontraktor.
- iii. Memeriksa dan menrekod semua keluar masuk pelawat dipintu masuk utama.

### **2. HARI DAN WAKTU BEKERJA**

Hari dan jadual waktu bekerja adalah seperti berikut:

- i. Ahad hingga Khamis: Jam 8.00 pagi hingga 5.00 ptg.
- ii. Hari Raya Aidilfitri: 2 hari, Jam 7.00 pagi hingga 7mlm
- iii. Hari Raya Aidiladha: 2 hari, Jam 7.00 pagi hingga 7mlm

### **3. LAIN – LAIN ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

- i. Kontraktor dikehendaki menyediakan seorang pengawal keselamatan bagi menjalankan kerja-kerja kawalan keselamatan di Pejabat TDM Berhad. Kehadiran pada setiap hari

- bekerja adalah diwajibkan dan ketiadaan pengawal keselamatan pada hari bekerja atas apa alasan apa pun adalah tidak diterima.
- ii. Pengawal Keselamatan mestilah:
    - Terlatih, mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja perkhidmatan kawalan keselamatan ;
    - Warganegara Malaysia berumur antara 25 tahun hingga 55 tahun;
    - Boleh menulis, membaca, sihat tubuh badan dan baik penglihatan;
    - Berpakaian seragam lengkap dengan tanda nama;
    - Bersikap jujur, amanah, bersopan santun, berdisplin, serta bertanggungjawab; dan
    - Bebas daripada rekod jenayah (Tapisan keselamatan)
  - iii. Kontraktor dikehendaki menghantar biodata pengawal keselamatan bertugas kepada Pegawai TDM Berhad atau wakilnya dan mendapatkan kelulusan TDM Berhad sebelum menugaskan seseorang pengawal keselamatan di Pejabat TDM Berhad.
  - iv. Kontraktor dikehendaki melantik seorang Penyelia untuk mengawasi kerjakerja yang dijadualkan dan membuat lawatan/pemeriksaan bagi memastikan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan dan tatatertib pengawal keselamatan sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Penyelia juga perlu menyediakan laporan kehadiran bualan pengawal keselamatan untuk mendapatkan pengesahan Pegawai TDM Berhad sebelum menghantar sebarang tuntutan bayaran. Penyelia juga perlu melaporkan sebarang penggantian pengawal keselamatan kepada Pegawai TDM Berhad atau wakilnya sekiranya pegawai keselamatan yang bertugas di Pejabat TDM Berhad tidak dapat menghadiri diri diatas sebab-sebab tertentu
  - v. Kontraktor juga perlu memastikan pos kawalan berada dalam keadaan bersih dan bersesuaian sebagai Pos Keselamatan dan mematuhi ciri-ciri keselamatan.
  - vi. Insurans dan perlindungan pengawal keselamatan adalah diatas tanggung jawab kontraktor.

**BORANG TAWARAN SEBUTHARGA**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI PEJABAT TDM BERHAD, JALAN MASJID ABIDIN, 20100 KUALA TERENGGANU**

Bil.	Perkara	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan:  Seorang Pengawal Keselamatan Tanpa Senjata pada hari Ahad hingga Khamis dari Jam 8.00 pagi hingga 5.00ptg. Tidak termasuk hari kelepasan am.		
2.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan:  Seorang Pengawal Keselamatan Tanpa Senjata pada Hari Raya Aidilfitri (2 hari) dari jam 7.00pagi hingga 7mlm.		
3.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan:  Seorang Pengawal Keselamatan Tanpa Senjata pada Hari Raya Aidiladha (2 hari) dari jam 7.00pagi hingga 7mlm.		
	<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		

Berikut adalah tawaran harga pihak kami bagi kerja-kerja tersebut diatas bagi tempoh dua belas (12) bulan:

Ringgit Malaysia:

---



---



---

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ hb \_\_\_\_\_ 20\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Kontraktor

Nama: .....

No. KP: .....

Cop Syarikat:

Alamat: .....

.....

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi

Nama: .....

No.KP: .....

Cop Syarikat:

Alamat: .....

.....

**SENARAI SEMAK DOKUMEN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>SEMAK</b>
1.	Salinan Lesen/Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri	
2.	Salinan Lesen Perniagaan SSM/Kementerian Kewangan dan Lesen-lesen yang berkaitan	
3.	Dokumen Sebutharga yang diisi dengan lengkap	
4.	Salinan Penyata kewangan syarikat terkini yang di audit	
5.	Salinan Penyata Bank 3 bulan terkini	
6.	Profil Syarikat	
7.	Senarai kerja yang sedang dilaksanakan dan disahkan	
8.	Senarai kerja yang telah dilaksanakan dan disahkan	

Salinan asal hendaklah dikemukakan pada hari temuduga dijalankan